

Tourism Malaysia Sasar 70,000 Pelancong Dari Sri Lanka
Bernama
10 Mac, 2014
Oleh M.Saraswathi

COLOMBO, 10 Mac (Bernama) -- Tourism Malaysia menyasarkan untuk menarik 70,000 pelancong dari Sri Lanka tahun ini, dengan 200 acara menanti mereka, kata Timbalan Ketua Pengarahnya (Perancangan), Datuk Azizan Noordin.

"Sri Lanka sentiasa menjadi pasaran yang penting bagi kami," katanya.

Ketibaan pelancong dari Sri Lanka adalah 64,051 pada 2013, meningkat dua peratus daripada 62,821 orang pada 2012.

"Dengan produk-produk dan destinasi baharu yang dipromosikan khusus untuk pasaran Sri Lanka, kami menjangka peningkatan 10 hingga 12 peratus daripada 70,000 pelancong," katanya kepada Bernama dalam satu temu bual di sini hari ini.

Azizan berkata misi jualan ke Sri Lanka adalah yang terbesar dan pertama selepas jurang empat tahun.

Azizan berkata walaupun objektif utama misi bagi memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelancongan impian, Tourism Malaysia juga tidak sabar-sabar untuk mengumpul sokongan padu daripada kumpulan syarikat penerbangan, ejen pelancongan dan media bagi Tahun Melawat Malaysia 2014 yang sedang diadakan.

"Kami mempunyai 50 peserta dari Malaysia terdiri daripada pengusaha hotel, pengendali acara dan ejen pelancongan. Kami telah menjemput 160 ejen pelancongan outbound di Sri Lanka," katanya sambil menambah 30 anggota media juga membuat liputan acara itu.

Beliau berkata pelbagai bidang dipromosikan di Sri Lanka seperti Grand Prix Formula Satu Petronas Malaysia, Cabaran Golf CIMB, Jualan Mega 1Malaysia, Festival Muzik Dunia Pulau Pinang dan juga tempat-tempat seperti taman tema LEGO Land, KidZania.

"Selepas perang saudara berakhir, lebih ramai rakyat Sri Lanka mula melancong terutama golongan pertengahan mewah untuk memastikan Malaysia dalam radar mereka," katanya.

Kawasan tumpuan pelancong Sri Lanka ialah Lembah Klang, Melaka, Pulau Pinang dan Langkawi, katanya sambil menambah terdapat rancangan untuk mempromosikan tempat-tempat lain berikutan perkembangan pasaran.

"Kami sedang meneliti untuk mempromosikan Borneo. Hutan Hujan Royal Belum adalah satu destinasi ekopelancongan baharu dan menarik untuk dilawati. Kami juga merancang untuk mempromosikan percutian hujung minggu memandangkan jarak dekat antara Malaysia dan Sri Lanka (yang mengambil masa tiga jam 20 minit dengan penerbangan)," katanya.

Azizan percaya tiga tahun mulai sekarang Sri Lanka juga akan muncul sebagai pasaran berpotensi untuk program Malaysiaku Rumah Keduaku, majlis perkahwinan dan juga pelancongan perubatan.

"Ini antara perancangan Tourism Malaysia bagi pasaran Sri Lanka pada masa depan. Terdapat

potensi besar di sini dan kami akan bergerak langkah demi langkah bagi mempromosikan Malaysia di sini," katanya.

Sektor pelancongan Malaysia terus menjadi penyumbang utama ekonomi negara pada tahun 2013.

Pendapatan pelancongan mencecah RM65.44 bilion, meningkat 8.1 peratus daripada RM60.56 bilion pada 2012. Ketibaan pelancong meningkat 2.7 peratus kepada 25.7 juta berbanding 25 juta pada 2012.

Tahun Melawat Malaysia 2014 dijangka menyaksikan 28 juta pelancong melawat negara dan menjana pendapatan sehingga RM76 bilion.

Dari Colombo, misi jualan akan bergerak ke India meliputi Kochi, Bengaluru, Mumbai dan berakhir di New Delhi.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1020608>